

09 JUL 2002
Syed Hamid-Iran/I
KHATAMI LAWAT MALAYSIA BULAN INI

KUALA LUMPUR, 9 Julai (Bernama) -- Presiden Iran Mohamad Khatami akan melakukan lawatan dua hari ke Malaysia bermula 22 Julai, bertujuan mempererat lagi hubungan antara Tehran dan Kuala Lumpur.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata lawatan itu merupakan bukti hubungan kerja yang erat dinikmati oleh kedua-dua negara dan di pelbagai forum serantau dan antarabangsa.

"Kami percaya lawatan Presiden Khatami ke sini akan membawa kepada hubungan dua hala yang lebih baik dan bermakna," kata beliau dalam persidangan media selepas menutup Mesyuarat Kelima Suruhanjaya Bersama (JCM) Malaysia-Iran di Seri Kembangan dekat sini, hari ini.

Syed Hamid berkata sekurang-kurangnya empat memorandum pefahaman (MOU) akan ditandatangani semasa lawatan itu, khasnya dalam bidang standard dan akreditasi, hal ehwal wanita dan keluarga dan menggalakkan dan melindungi pelaburan dua hala.

"Kita sedang berusaha dengan hal-hal lain. Tetapi MoU teras yang kita anggap penting dalam mempromosi dan melangkah ke depan ialah empat yang ini," kata beliau.

Sebelum itu, Syed Hamid dan rakan sejawatannya dari Iran Dr Kamal Kharazzi menandatangani minit-minit mesyuarat JCM, menandakan berakhirnya mesyuarat dua hari di Kuala Lumpur.

Dalam kata-kata penutupnya Syed Hamid berkata, memandangkan situasi global sekarang ini, bidang-bidang seperti perdagangan dan memudahkan perdagangan, pelaburan, kerjasama teknikal, teknologi maklumat dan komunikasi dan juga pelancongan dan kebudayaan mesti diberi tumpuan yang lebih oleh kedua-dua negara.

"Saya juga meminta kedutaan Iran di sini dan kedutaan Malaysia di Tehran untuk menjadi titik tumpuan dan berada di hadapan dalam melaksanakan keputusan-keputusan yang terkandung dalam minit-minit yang dipersetujui," kata beliau.

Sementara itu, Kharazzi berkata cadangan lawatan itu akan membolehkan Presiden Khatami dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membincangkan pembangunan dan masalah yang dihadapi oleh dunia Islam selain daripada cara untuk meningkatkan hubungan dua hala.

"Hubungan kita dengan Malaysia adalah model perpaduan Islam. Saya berharap kerjasama seperti ini adalah berkesan dalam menyelesaikan masalah dalam dunia Islam dan membuka laluan bagi pembangunan negara-negara Islam," kata beliau lagi.

Bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia, Syed Hamid menyampaikan kepada Kharazzi sumbangan sebanyak Euro 31,138 (lebih kurang RM117,000) bagi mangsa-mangsa gempa bumi yang melanda Iran bulan lepas.

"Ia simpati kami bagi mangsa-mangsa. Kami berharap sumbangan ini akan sedikit sebanyak membantu melegakan kesengsaraan keluarga-keluarga terlibat," katanya.

-- BERNAMA
MAM MAM PR